

1009

KESEDARAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP PENYUSUAN SUSU IBU MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU KAJIAN RINTIS

Zanariah Dimon, Nora'inan Bahari, Norita Kamaruddin, Nurhayati Abd. Ghani

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

zanariah@kuis.edu.my

Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar
Pembantu Penyelidik

ABSTRAK

Kesedaran masyarakat Islam terhadap penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam sangat penting dalam memastikan amalan penyusuan tersebut dilaksanakan dengan memelihara tuntutan maqasid shari'ah iaitu penjagaan keturunan (hifz al-Nasl) dan aspek jaminan hak anak-anak. Ini kerana, susu ibu terbukti makanan yang terbaik untuk anak-anak dan penyusuan perlu dipastikan selaras dengan kehendak hukum syarak. Artikel ini adalah kajian rintis bagi mengkaji tahap kesedaran masyarakat Islam di Selangor. Kajian dilakukan secara lapangan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpulkan melalui instrumen soal selidik dan analisis data menggunakan perisian SPSS. Seramai 39 orang responden telah dipilih dalam kajian rintis ini. Item-item soal selidik telah dianalisis melalui ujian kebolehpercayaan bagi menilai tahap kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dalam beberapa bahagian soal selidik. Data yang dikumpulkan daripada sampel rintis diproses untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu. Hasilnya, Ujian Cronbach Alpha bagi ujian rintis mencapai tahap $\alpha = 0.77$ adalah tinggi. Oleh itu, hasil kajian rintis ini menjadi tanda aras bahawa kajian ini adalah amat baik dan layak diterima.

Kata kunci: Kesedaran, Penyusuan, Rintis

1. PENGENALAN

Pola peningkatan kehidupan masyarakat sentiasa berubah seiring dengan peredaran masa dan pembangunan teknologi. Ia menuntut masyarakat membatasi kehidupan mereka tanpa mengira had umur malah pergi meninggalkan mereka yang alpa dan leka. Kehidupan semasa jelas memperlihatkan bahawa manusia seluruhnya umat Islam sedang berada di bawah penguasaan materialisme atau fahaman kebendaan. Segenap sektor kehidupan manusia kelihatan ditunjangi oleh unsur-unsur dan budaya luar sehingga perkara yang dianggap penting juga dipandang ringan. Perkara yang sama terjadi kepada kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan.

Penyusuan adalah antara tajuk perbahasan dalam pengajian fiqh al-Ahwal al-Syakhsiyah atau fiqh al-Usrah atau fiqh al-Munakahat. Lazimnya ianya mengandungi bab perkahwinan, perceraian dan hak-hak anak yang termasuk di dalamnya nasab, penyusuan dan hadanah (al-Zuhayli, 1989). Bagaimanapun, persoalan berkaitan hukum penyusuan jarang menjadi fokus kajian dalam undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan berbanding dengan hadanah.

Perkembangan isu terkini berkaitan dengan penyusuan di tempat terbuka (nursing in public) seperti berswafoto semasa menyusu adalah bertentangan dengan adab penyusuan dalam Islam telah menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kefahaman masyarakat dalam topik ini. Oleh itu, kajian ini bukan hanya menumpukan kepada tiga hukum asas dalam penyusuan berkaitan dengan umur penyusuan, kadar dan bentuk penyusuan, tetapi juga memberi fokus kepada aspek akhlak dan adab semasa penyusuan. Pengetahuan berkaitan dengan hukum hakam anak susuan adalah perlu jelas dari sudut hukum syarak bagi memelihara tuntutan maqasid syariah iaitu penjagaan keturunan (hifz al-Nasl) dan aspek jaminan hak anak-anak.

2. TUJUAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik yang akan diedarkan kepada orang awam. Soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Bahagian A akan membincangkan mengenai maklumat diri. Bahagian B pula mengenai Kesedaran berkaitan penyusuan. Manakala Bahagian C pula membicarakan tentang Kesedaran mengenai isu-isu semasa berkaitan penyusuan.

3. ULASAN KEPUSTAKAAN

Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas kepada umatnya malah sangat tersusun dan teratur bagi mencapai objektif penemuan syariat dan kejadian manusia. Dalam negara yang semakin pesat dan membangun ini, peranan wanita itu tetap sama malah menjadi semakin penting dalam pembangunan. Peranan wanita masa kini tidak lagi terhad di rumah sebagai ibu mahupun isteri tetapi juga dalam pelbagai bidang profesional. Malah, mereka merupakan golongan yang mulia seiring dengan pengorbanan yang dipikul oleh mereka yang tidak mungkin mampu ditanggung oleh kaum lelaki. Ini dapat dilihat dari beberapa sudut yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka seperti kesediaan mengandungkan bayi selama sembilan bulan, kesakitan dan bahaya yang ditanggung semasa melahirkan seterusnya kepayahan memangku, menjaga dan menyusukan anak-anak (Sayyid Qutb, 1995).

Abdul Karim Zaydan (2000) merupakan antara ulama-ulama yang telah memberikan penerangan tentang perbahasan fuqaha dan mufassirin berkaitan pihak-pihak yang terlibat dengan penyusuan susu ibu seperti ibu, bapa dan anak. Penulisan berkaitan dengan bentuk-bentuk penyusuan yang mensabitkan nasab pula telah ditulis oleh al-Mawardi (1996) dan ianya sangat baik untuk dijadikan rujukan. Seterusnya untuk perbahasan para fuqaha tentang rukun, syarat, tempoh penyusuan dan hak penyusuan dinyatakan dengan panjang lebar di dalam kitab fiqh pelbagai mazhab. Antaranya kitab al-Mudawwanah yang ditulis oleh al-Asbahi (1991) dan Hashiah al-Dusuqi yang ditulis oleh Dusuqi (t.th) daripada mazhab Maliki, kitab al-Mughni al-Muhtaj oleh al-Sharbini (1978) daripada mazhab Shafi'i, al-Mughni oleh Ibn Qudamah (1983) daripada mazhab Hanbali dan al-Mabsut oleh al-Sarkhasi (t.th) daripada mazhab Hanafi.

Selain daripada kitab-kitab fiqh, perbahasan mengenai penyusuan susu ibu juga dibahas dengan terperinci oleh para mufassirin. Mereka membahaskan perkara tersebut berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233. Selain itu, antara mufassirin yang memperkatakan tentang susu ibu di dalam penafsiran mereka ialah al-Alusi (1987) di dalam Ruh al-Ma'ani, Rashid Ridha (2005) dalam Tafsir al-Manar, al-Qurtubi (1988) dalam Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Qur'an dan Sayyid Qutb (1992) dalam Fi Zilal al-Qur'an.

Terdapat beberapa kajian lapangan di Malaysia berkaitan penyusuan susu ibu seperti dalam kalangan jururawat, suri rumah atau kepada para ibu secara umumnya dan ahli akademik IPTA Kuala. Namun tiada lagi kajian berkaitan kesedaran masyarakat Islam tentang hukum-hukum penyusuan menurut Islam (Tengku Alina Tengku Ismail et al, 2009). Di samping itu juga, kajian berkenaan susu ibu menurut perspektif Islam oleh sarjana semasa secara umumnya telah dijelaskan oleh Ayu Aima Yusuf (2002) di dalam bukunya Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. Buku ini memberi gambaran yang banyak berkaitan dengan keistimewaan susu ibu daripada pelbagai sudut. Normadiah Daud dan Siti Fatimah Salleh

(2009) pula telah menjelaskan dengan agak terperinci tentang penyusuan oleh wanita bekerjaya dalam proses pembangunan modal insan.

Apabila membicarakan soal penyusuan, perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah hak dan kewajipan pelbagai pihak antaranya ibu, anak dan bapa. Ada pendapat yang mengatakan penyusuan adalah hak anak dan kewajipan ibu yang mesti dilaksanakan. Namun begitu, ada juga sebahagian ulama yang mengatakan penyusuan adalah hak ibu dan bukan kewajipannya. Justeru, para ibu berhak meninggalkan penyusuan dengan alasan tertentu. Dalam al-Qur'an ada juga menyebut akan kewajipan seorang bapa kepada anak dan juga isterinya yang mana para bapa ini harus memberi nafkah termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada ibu-ibu yang menyusukan anak mereka. Ini kerana rezeki yang masuk ke dalam perut anak adalah daripada susu yang keluar daripada seorang ibu (Sayyid Qutb, 1992). Seperkara lagi, walaupun penyusuan adalah hak kepada anak dan kewajipan ke atas ibu menyusukan, namun masih berlaku pertikaian di kalangan ulama berkaitan dengan masa kewajipan tersebut iaitu adakah ibu tersebut masih bergelar isteri atau sebaliknya.

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Demografi Responden

Seramai 39 orang responden yang terdiri daripada 10 orang (26%) lelaki dan 29 (74%) orang perempuan. Responden yang terlibat dalam kajian ini boleh diklasifikasikan kepada lima kategori peringkat umur. Responden yang telah berkahwin 23 orang (59%), manakala jumlah responden yang bujang seramai 16 orang (41%). Seramai 2 orang (5.1%) responden terdiri daripada lingkungan umur 20 tahun dan ke bawah dan 14 orang (35.9%) berumur 21-30 tahun. Kajian ini juga mendapati 11 orang (28%) responden berumur 31-40 tahun, 7 orang (17.9%) berumur 41-50 tahun dan 5 orang (12.8%) responden berumur 51 tahun dan ke atas. Data dapat diperhatikan pada jadual 1 dan 2 di bawah:

JADUAL 1: Jantina, dan status perkahwinan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Jantina	Lelaki	10	26.0
	Perempuan	29	74.0
Status Perkahwinan	Bujang	16	41.0
	Berkahwin	23	59.0
Jumlah		39	100

JADUAL 2: Kategori umur

Faktor	Kategori	N	Peratus
Umur	20 tahun ke bawah	2	5.1
	21-30 tahun	14	35.9
	31-40 tahun	11	28.0
	41-50 tahun	7	17.9
	51 tahun keatas	5	12.8
Jumlah		39	100

Jadual 3 pula menunjukkan bilangan anak responden. Seramai 16 orang (41%) responden tidak mempunyai anak, 2 orang (5.1%) responden memiliki seorang anak, 5 orang (12.8%) responden mempunyai dua orang anak, 2 orang (5.1%) responden mempunyai tiga orang

anak, 6 orang (15.4%) responden mempunyai empat orang anak, 2 orang (5.1%) responden mempunyai lima orang anak, dan 6 orang (15.4%) responden lain-lain.

JADUAL 3: Bilangan anak

Faktor	Kategori	N	Peratus
Bilangan anak	Tidak mempunyai anak	16	41.0
	Seorang anak	2	5.1
	Dua orang anak	5	12.8
	Tiga orang anak	2	5.1
	Empat orang anak	6	15.4
	Lima orang anak	2	5.1
	Lain-lain	6	15.4
Jumlah		39	100

Jadual 4 menunjukkan tempat tinggal responden. 2 orang (5.1%) dari Sabak Bernam, seorang (2.6%) dari Kuala Selangor, 4 orang (10.3%) dari Kuala Langat, seorang (2.6%) dari Sepang, 17 orang (43.6%) dari Hulu Langat, 5 orang (12.8%) dari Gombak, 7 orang (17.9%) dari Petaling dan seorang (2.6%) dari Klang dan seorang (2.6%) Shah Alam.

JADUAL 4: Tempat tinggal

Faktor	Kategori	N	Peratus
Tempat tinggal	Sabak Bernam	2	5.1
	Kuala Selangor	1	2.6
	Kuala Langat	4	10.3
	Sepang	1	2.6
	Hulu Langat	17	43.6
	Gombak	6	12.8
	Petaling	7	17.9
	Klang	1	2.6
	Shah Alam	1	2.6
Jumlah		39	100

Jadual 5 menunjukkan tahap pendidikan responden. 2 orang (5.1%) memiliki SPM, seorang (2.6%) merupakan graduan Diploma, 4 orang (10.3%) adalah lepasan Sarjana Muda, seorang (2.6%) pemegang Sarjana, 17 orang (43%) lulusan Doktor Falsafah, dan baki seorang responden (2.6%) merupakan lepasan STPM.

JADUAL 5: Tahap pendidikan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Tahap pendidikan	SPM	2	5.1
	Diploma	1	2.6
	Sarjana Muda	4	10.3
	Sarjana	1	2.6
	Doktor Falsafah	17	43.0
	STPM	1	2.6
Jumlah		39	100

Jadual 6 menunjukkan perkerjaan responden. 4 orang (10.3%) adalah kakitangan awam, 19 orang (48.7%) adalah kakitangan swasta, 2 orang (5.1%) bekerja sendiri, seorang (2.6%) tidak bekerja, dan baki 13 orang (33.3%) adalah pelajar.

JADUAL 6: Pekerjaan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Pekerjaan	Kakitangan awam	4	10.3
	Kakitangan swasta	19	48.7
	Bekerja sendiri	2	51.0
	Tidak bekerja	1	2.6
	Pelajar	13	33.3
Jumlah		39	100

Seramai 4 orang (10.3%) memperolehnya daripada media sosial, 19 orang (48.7%) mempelajarinya daripada media cetak, 2 orang (5.1%) mendapatkan pengetahuan dari media elektronik, seorang (2.6%) mendapat pendidikan formal, dan 13 orang (33.3%) mendapat pendidikan tidak formal. Taburan data tersebut dapat dilihat pada jadual 7 dibawah:

JADUAL 7: Sumber pengetahuan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Sumber pengetahuan	Media sosial	4	10.3
	Media cetak	19	48.7
	Media elektronik	2	5.1
	Pendidikan formal	1	2.6
	Pendidikan tidak formal	13	33.3
Jumlah		39	100

4.2 Kesedaran Berkaitan Penyusuan

Jadual 8 dibawah menunjukkan taburan data bagi kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak dan kewajipan ibu. Penyusuan susu tanggungjawab seorang ibu kepada seseorang anak (Min = 4.87, SP = 0.52), penyusuan susu ibu disyariatkan secara jelas di dalam al-Qur'an dan hadis (Min = 4.69, SP = 0.56), bayi hendaklah disusui oleh ibu yang tidak mempunyai sebarang keuzuran untuk menyusu bayinya (Min = 4.56, SP = 0.65), ibu boleh menyerahkan anaknya untuk disusui oleh wanita lain setelah mendapat keizinan suami/ bapanya (Min = 4.66, SP = 0.62), penyusuan susu ibu akan menjadi wajib sekiranya anaknya alah (alergi) dengan semua makanan dan minuman lain kecuali susu ibu (Min = 4.66, SP = 0.57), dan Islam membolehkan dengan menggunakan perahan susu ibu (Min = 4.79, SP = 0.40).

JADUAL 8: B1 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak dan kewajipan ibu

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
Penyusuan susu adalah tanggungjawab seorang ibu	0 (0)	1 (2.6)	0 (0)	2 (5.1)	36 (92.3)	4.87 (0.52)
Penyusuan susu ibu disyariatkan didalam Quran dan Hadith	0 (0)	0 (0)	2 (5.1)	8 (21.0)	29 (74.3)	4.69 (0.56)
Bayi hendaklah disusui oleh ibu yang tiada keuzuran menyusu	1 (2.6)	0 (0)	3 (7.7)	7 (17.9)	28 (71.8)	4.56 (0.65)
Ibu blh menyerahkan anaknya untuk disusui oleh wanita lain setelah mendapat keizinan	0 (0)	0 (0)	3 (7.7)	7 (18.0)	29 (74.3)	4.66 (0.62)

Penyusuan susu ibu akan menjadi wajib sekiranya anaknya alah degan makanan Islam membolehkan dengan menggunakan perahan susu	0 (0)	0 (0)	2 (5.1)	9 (23.0)	28 (71.8)	4.66 (0.57)
Jumlah					39	100

Jadual 9 dibawah menunjukkan taburan data bagi item kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak dan kewajipan suami (bapa). Suami wajib memberi nafkah kepada isteri yang menyusu anak (Min = 4.71, SP = 0.51), suami berhak melarang isteri menyusukan anak mereka (Min = 2.53, SP = 1.29), suami berhak melarang isterinya menyusukan anak daripada perkahwinan suami terdahulu (Min = 2.58, SP = 1.27), suami berhak melarang isterinya menyusukan anak orang lain (Min = 4.05, SP = 1.02), suami berhak melarang isterinya mengambil upah menyusukan anak orang lain (Min = 4.17, SP = 0.91), dan isteri yang menyusu anak berhak menuntut bayaran daripada suami (Min = 3.58, SP = 1.14).

JADUAL 9: B2 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak dan kewajipan bapa

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
Suami wajib memberi nafkah kepada isteri yang menyusu	0 (0)	0 (0)	1 (2.6)	9 (23.0)	29 (74.3)	4.71 (0.51)
Suami berhak melarang isteri menyusukan anak mereka	10 (25.6)	11 (28.2)	9 (23.0)	5 (12.8)	4 (10.2)	2.53 (1.29)
Suami berhak melarang isterinya menyusukan anak daripada perkahwinan dahulu	10 (25.6)	8 (20.5)	13 (33.3)	4 (10.2)	4 (10.2)	2.58 (1.27)
Suami berhak melarang isterinya menyusukan anak orang lain	1 (2.6)	2 (5.1)	7 (17.9)	13 (33.3)	16 (41.0)	4.05 (1.02)
Suami berhak melarang isterinya mengambil upah menyusukan anak orang lain	0 (0.0)	3 (7.7)	4 (10.2)	15 (38.4)	17 (43.5)	4.17 (0.91)
Isteri yang menyusu anak berhak menuntut bayaran daripada suami	1 (2.6)	6 (15.3)	12 (30.8)	9 (23.0)	11 (28.2)	3.58 (1.14)
Jumlah					39	100

Jadual 10 dibawah menunjukkan taburan data bagi item kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak anak. Penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi (Min = 4.76, SP = 0.42), anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia dua tahun (Min = 4.84, SP = 0.36), dan susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak (Min = 4.89, SP = 0.30).

JADUAL 10: B3 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak anak

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	

Penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	9 (23.0)	30 (77.0)	4.76 (0.42)
Anak berhak mendapat susu ibu sejak lahir hingga 2 tahun	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (15.3)	33 (84.7)	4.84 (0.36)
Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (10.2)	35 (89.8)	4.89 (0.30)
Penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	9 (23.0)	30 (77.0)	4.76 (0.42)
Anak berhak mendapat susu ibu sejak lahir hingga 2 tahun	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (15.3)	33 (84.7)	4.84 (0.36)
Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (10.2)	35 (89.8)	4.89 (0.30)
Jumlah				39	100	Jadua 1 11 menu njukk an

item berkaitan kesedaran berkaitan kesan penyusuan. Nasab anak susuan adalah kepada ayah kandung ($\text{Min} = 4.33$, $\text{SP} = 1.17$), hukum yang boleh mensabitkan nasab bayi dengan ibu susuannya ialah lima kali kenyang ($\text{Min} = 4.64$, $\text{SP} = 0.62$), anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu susuannya ($\text{Min} = 4.87$, $\text{SP} = 0.33$), anak susuan tidak boleh berkahwin dengan suami ibu susuannya ($\text{Min} = 4.74$, $\text{SP} = 0.49$), adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain ($\text{Min} = 4.84$, $\text{SP} = 0.36$), anak sesusuan tidak boleh berkahwin dengan ibu dan bapa saudara susuannya ($\text{Min} = 4.38$, $\text{SP} = 0.90$).

Seterusnya anak susuan tidak boleh berkahwin datuk dan nenek sususan, dengan ibu dan bapa kepada ibu dan bapa susuannya ($\text{Min} = 4.46$, $\text{SP} = 0.85$), bapa susuan tidak boleh menjadi wali kepada anak perempuan susuan ($\text{Min} = 4.15$, $\text{SP} = 0.96$), batas aurat anak susuan sama seperti batas aurat ibu bapa kandung ($\text{Min} = 4.54$, $\text{SP} = 0.71$), tidak batal wuduk jika bersentuh anak susuan dengan ibu susuannya ($\text{Min} = 4.58$, $\text{SP} = 0.71$), boleh bersalaman di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya ($\text{Min} = 4.58$, $\text{SP} = 0.71$), dan anak susuan tidak boleh mewarisi harta pusaka ibu bapa susuan ($\text{Min} = 4.15$, $\text{SP} = 1.06$).

JADUAL 11: B4 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak anak

Item	STS	Kekerapan & Peratus				Min & SP
		TS	TP	S	SS	
Nasab anak susuan adalah kepada ayah kandung	1 (2.6)	4 (10.2)	4 (10.2)	2 (5.1)	28 (71.9)	4.33 (1.17)
Hukum yg blh mensabitkan nasab bayi dgn ibu susuannya ialah lima kali kenyang	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (7.7)	8 (20.5)	28 (71.8)	4.64 (0.62)
Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu susuannya	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (12.9)	34 (87.1)	4.87 (0.33)
Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan suami ibu susuannya	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (2.6)	8 (20.5)	30 (76.9)	4.74 (0.49)
Adik beradik sesusuan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (15.3)	33 (84.6)	4.84 (0.36)

Anak susuan tidak boleh berkahwin dengan ibu dan bapa saudara susuannya	0 (0.0)	1 (2.6)	8 (20.5)	5 (12.8)	25 (64.1)	4.38 (0.90)	4.3 Kese dara n Men genai Isu- Isu
Anak susuan xblh berkahwin datuk neneh sususan, dgn ibu bapa kpd ibu bapa susuannya	0 (0.0)	1 (2.6)	6 (15.3)	6 (15.3)	26 (66.7)	4.46 (0.85)	
Bapa susuan tidak boleh menjadi wali kepada anak perempuan susuan	0 (0.0)	1 (2.6)	12 (30.7)	6 (15.3)	20 (51.2)	4.15 (0.96)	
Batas aurat anak susuan sama seperti batas aurat ibu bapa kandung	0 (0.0)	1 (2.6)	2 (5.1)	9 (23.0)	27 (69.2)	4.54 (0.71)	
Tidak batal wuduk jika bersentuh anak susuan dengan ibu susuannya	0 (0.0)	1 (2.6)	2 (5.1)	9 (23.0)	27 (69.2)	4.58 (0.71)	
Boleh bersalaman di antara anak susuan dengan ibu bapa susuannya	0 (0.0)	1 (2.6)	2 (5.1)	9 (23.0)	27 (69.2)	4.58 (0.71)	
Anak susuan tidak boleh mewarisi harta pusaka ibu bapa susuan	2 (5.1)	0 (0.0)	7 (17.9)	11 (28.2)	19 (48.7)	4.15 (1.06)	
Jumlah					39	100	

Semasa Berkaitan Penyusuan

Jadual 12 menunjukkan kesedaran mengenai derma susu. Derma susu dibolehkan dalam Islam (Min = 3.53, SP = 1.23), seorang bayi dibolehkan menyusu daripada seorang ibu susuan sahaja (Min = 2.64, SP = 1.15), pemberian susu formula diharuskan (Min = 4.07, SP = 0.87), isteri boleh mendermakan susu tanpa kebenaran suami (Min = 2.12, SP = 1.12), saya bersedia menerima air susu yang didemakan kepada anak saya (Min = 2.79, SP = 1.15), saya mengambil berat tentang sumber susu yang didermakan kepada anak saya (Min = 4.58, SP = 0.93), orang Islam boleh menerima susu yang didermakan oleh orang yang bukan Islam (Min = 2.41, SP = 0.99), dan seorang yang bukan Islam boleh menerima susu yang didermakan oleh orang Islam (Min = 3.43, SP = 1.14).

JADUAL 12: C1 – Kesedaran mengenai derma susu

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
Derma susu dibolehkan dalam Islam	3 (7.6)	5 (12.8)	9 (23.0)	12 (30.7)	10 (25.6)	3.53 (1.23)
Seorang bayi dibolehkan menyusu daripada seorang ibu susuan sahaja	6 (15.3)	13 (33.3)	13 (33.3)	3 (7.6)	4 (10.2)	2.64 (1.15)
Pemberian susu formula diharuskan	0 (0.0)	3 (7.6)	4 (10.2)	19 (48.7)	13 (33.3)	4.07 (0.87)
Isteri boleh mendermakan susu tanpa kebenaran suami	13 (33.3)	14 (35.9)	9 (23.0)	0 (0.0)	3 (7.7)	2.12 (1.12)
Saya bersedia menerima air susu yang didemakan kepada	5 (12.8)	12 (30.7)	11 (28.2)	8 (20.5)	3 (7.7)	2.79 (1.15)

anak saya						
Saya mengambil berat tentang sumber susu yang didermakan kpd anak saya	2 (5.1)	0 (0.0)	0 (0.0)	8 (20.5)	29 (74.3)	4.58 (0.93)
Orang Islam boleh menerima susu yang didermakan oleh orang yang bukan Islam	9 (23.0)	10 (25.6)	15 (38.4)	5 (12.8)	0 (0.0)	2.41 (0.99)
Seorang yang bukan Islam boleh menerima susu yang diberikan oleh orang Islam	3 (7.7)	4 (10.2)	12 (30.7)	13 (33.3)	7 (17.9)	3.43 (1.14)
Jumlah				39	100	

aran mengenai public nursing. Public nursing diharuskan dalam Islam (Min = 2.92, SP = 1.20), kemudahan nursing room mencukupi di tempat-tempat awam (Min = 2.53, SP = 1.07), berswafoto ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam (Min = 1.35, SP = 0.62), isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam (Min = 4.69, SP = 0.83), dan menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan (Min = 3.30, SP = 1.30).

JADUAL 13: C2 – Kesedaran mengenai *public nursing*

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
Public nursing diharuskan dalam Islam	15 (12.8)	12 (30.7)	5 (12.8)	15 (38.4)	2 (5.1)	2.92 (1.20)
Kemudahan Nursing room mencukupi di tempat-tempat awam	7 (17.9)	14 (35.9)	8 (20.5)	10 (25.6)	0 (0)	2.53 (1.07)
Berswafoto ketika menyusu di tempat awam dibenarkan Islam	27 (69.2)	11 (28.2)	0 (0.0)	1 (2.6)	0 (0.0)	1.35 (0.62)
Isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam	1 (2.6)	1 (2.6)	0 (0.0)	5 (12.8)	32 (82.0)	4.69 (0.83)
Menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan	3 (7.7)	10 (25.6)	7 (17.9)	10 (25.6)	9 (23.8)	3.30 (1.30)
Jumlah				39	100	

5. RUMUSAN DAN CADANGAN

Rata-rata masyarakat Islam Malaysia masih tidak memahami kesedaran yang mendalam berkaitan hukum-hukum penyusuan. Ini dapat diperhatikan melalui data yang diterima daripada soal selidik yang diberikan kepada responden. Hasil analisis data yang diperolehi menggambarkan bahawa perlunya lebih pendedahan mengenai isu-isu semasa berkaitan penyusuan. Bagi menangani dengan lebih baik perkara ini, satu kajian lanjut perlu dilakukan bagi mengenalpasti apakah langkah terbaik yang diapat dilakukan dalam usaha menyebarkan kefahaman berkaitan hukum penyusuan terhadap masyarakat awam.

6. RUJUKAN

- Al-Alusi, Mahmud Ibn Abdullah al-Husayni. t.th. Ruh Al-Ma'ani fi Tafseer Al-Qur'an Al 'Adhim wa Al-Sab' Al-Mathani. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Asbahi, Imam Malik bin Anis. 1991. Al-Mudawwanah al-Kubra. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ayu Aima Yusuf. 2002. Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1996. Kitab al-Rada'. Beirut: Dar Ibn Hazm
- Normadiah Daud, Siti Fatimah Salleh. 2009. Peranan susu ibu dalam pembangunan modal insan: satu sorotan kepada wanita bekerjaya. Jurnal al-Sirat KIPSAS 8(10). 180 – 197. Kuala Lumpur: Percetakan Tabah
- Normadiah Daud, Zuliza Kusrin. 2014. Penyusuan susu ibu: prinsip, hak dan kewajipannya menurut perspektif Islam. E-Jurnal Pengajian Islam KUIS 7(1)
- Ridha, Muhammad Rashid. 2005. Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Mustahir bi Tafsir al-Manar. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Sayyid Qutb. 1995. Fi Zilal al-Qur'an. Kaherah: Dar al-Shuruq
- Tengku Alina Tengku Ismail, Zaharah Sulaiman, Rohana Jalil, Wan Manan Wan Muda, Nik Normanieza Nik Man. 2012. Breast milk expression among formally employed women in urban and rural Malaysia: A qualitative study. International Breastfeeding Journal 7. 11 – 15. London: BioMed Central
- Zaydan, Abdul Karim. 2000. Al-Mufassol fi Ahkam al-Mar'ah wa Bait al-Muslim fi Syariati al-Islamiyyah. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Ed. Ke- 7. Kaherah: Dar al-Fikr.